

19 SEP 1999

Mahathir-Modal

NEGARA TERJEJAS JIKA KAWALAN MODAL DITARIK BALIK, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ekonomi negara akan terjejas jika kawalan modal terpilih yang diamalkan sekarang sebagai antara langkah pemulihan ekonomi ditarik balik.

Perdana Menteri berkata, dakwaan parti pembangkang yang kawalan modal terpilih itu telah gagal sama sekali tidak berasas kerana ia telah membolehkan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan.

"Pembangkang akan membangkang apa sahaja yang kerajaan buat, bukan kerana mereka memahami pengurusan ekonomi, tetapi kerana jika kerajaan berbuat sesuatu ia pasti tidak baik dan mereka mesti buat di sebaliknya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kelab Golf Perkhidmatan Awam dan Hari Keluarga Perkhidmatan Awam, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai kesediaan barisan alternatif yang terdiri daripada PAS, DAP, Keadilan Nasional and PRM untuk menarik balik kawalan modal itu yang diperkenalkan pada September lepas jika mereka diberi mandat dalam pilihan raya akan datang.

Mereka berkata, strategi itu telah gagal menarik pelabur asing.

Dr Mahathir berkata, walaupun tanpa pelabur asing ekonomi negara telah menyaksikan pertumbuhan dan takkanlah mereka (pembangkang) tidak dapat melihatnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, orang ramai kini sudah mula menikmati manfaat daripada pemulihan ekonomi yang dibawa oleh kawalan modal terpilih.

Mereka terasa impak pemulihan ekonomi. Pembeli kereta dan motosikal kini tahu mereka mempunyai wang untuk berbelanja."

Beliau berkata, pengumuman oleh dua bank tempatan baru-baru ini yang masing-masing mencatatkan keuntungan RM1 bilion sebuah sebuah lagi bank mencatatkan keuntungan RM250 juta dalam enam bulan pertama membuktikan pemulihan ekonomi lebih cepat daripada yang dijangkakan.

"Apabila sesebuah syarikat itu membuat keuntungan, ia bermakna para pekerja tidak terasa tergugat jika syarikat itu kerugian, maka pekerja mungkin khuatir mereka akan dibuang kerja," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembangkang tidak mempunyai idea atau strategi untuk membangunkan negara.

"Strategi mereka ialah membenci kerajaan. Jika anda mengundi mereka, apa yang mereka boleh sumbang untuk anda tanpa sebarang program," katanya.

Ditanya sama ada ia sesuatu yang aneh kerana pembangkang memperkecilkan usaha kerajaan sedangkan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah memuji strategi Malaysia dalam memulihkan ekonominya, Dr Mahathir berkata: Saya tidak tahu apa yang difikirkan oleh mereka (pembangkang).

Ditanya sama ada pembangkang tahu akan kesan tindakan mereka (untuk menarik balik kawalan modal), Dr Mahathir berkata: "Saya rasa mereka tak tahu."

Dr Mahathir berkata, apabila Anwar memegang jawatan Menteri Kewangan beliau tunduk kepada arahan IMF dan oleh sebab itu ekonomi negara merosot.

"Kita mempunyai perbelanjaan kerajaan sebanyak 31 peratus dan apabila anda memotong ini, tiada duit langsung untuk pembangunan. Apabila tiada duit bagi pembangunan semuanya akan terhenti, tiada kontrak untuk bekalkan barang dan ekonomi mengecut," katanya.

Beliau berkata, Anwar tidak tahu apa-apa mengenai ekonomi ataupun hal ehwal kewangan. Beliau tidak tahu bagaimana menangani krisis itu...pentadbiran pembangunan biasa beliau boleh kendalikan apabila tiada krisis.

"Beliau (Anwar) selalu suka tunduk kepada orang untuk mendapat sokongan orang asing, dia rela serahkan negara ini. Yang penting ialah dapat pujian dan sokongan daripada luar negara."

Dr Mahathir juga berkata, satu daripada cara dunia boleh menstruktur semula sektor kewangan ialah dengan tidak membenarkan bank-bank 'leverage' terlalu banyak.

Beliau juga berkata, negara-negara yang kaya mesti berani untuk cakap mengenai pedagang mata wang.

"Saya dapati negara-negara kaya sedia berbincang mengenai penyusunan semula dan struktur kewangan antarabangsa yang baru, tetapi mereka takut berkata apa-apa mengenai pedagang mata wang yang mempunyai pengaruh besar terhadap mereka," katanya lagi.

-- BERNAMA

ARA PR